



UJIAN AKHIR TAHUN

MARKAH		
KERTAS 1	KERTAS 2	JUMLAH
40	60	100

KERTAS I

[40 markah]

Masa: Satu jam

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.


1 Rajah 1 menunjukkan dua keping kad nombor.



Rajah 1

Hitung perbezaan dua nombor di atas.

- A 466 752
 - B 475 752
 - C 475 833
 - D 668 532
- 2 8 minggu 3 hari =
- A 10 hari
 - B 59 hari
 - C 62 hari
 - D 108 hari
- 3 Apakah nama sudut yang lebih besar daripada sudut tegak dan terdapat dalam heksagon?
- A Sudut tegak
 - B Sudut cakah
 - C Sudut tirus
 - D Garis lurus
- 4 Antara berikut, yang manakah penukaran unit yang betul?
- A 50 mm = 0.05 m
 - B 2 kg 5 g = 2 005 g
 - C 0.765 ml = 765 l
 - D 180 km = 0.018 m
- 5 Rajah 2 menunjukkan satu garis nombor yang tidak lengkap.




Rajah 2

Apakah nilai x?

- A 0.5
- B 0.25
- C 0.75
- D 1.75

6 Rajah 3 menunjukkan tiga kad nombor.




Rajah 3

Berapakah jumlah jisim, dalam g, ketiga-tiga nombor di atas?

- A 8.337
 - B 8 337
 - C 83 337
 - D 83.37
- 7 Almari Laili mempunyai 7 helai baju berwarna merah dan 6 helai baju berwarna kuning. Almari Naini mempunyai 9 helai baju berwarna merah dan 5 helai baju berwarna kuning. Cari nisbah helaian baju Laili dan Naini.
- A 6 : 9
 - B 13 : 14
 - C 16 : 12
 - D 14 : 13
- 8 5 l 20 ml =
- A 5 020 ml
 - B 5.2 l
 - C 0.52 ml
 - D 5 200 ml

9 Rajah 4 menunjukkan empat kad jisim.



Rajah 4

Berapakah hasil tambah jisim terbesar dengan jisim terkecil?

- A 2 kg 60 g
- B 12 kg
- C 1 kg 385 g
- D 5 kg 789 g

10 Antara berikut, yang manakah betul?

- A $6\% = 0.06$
- B $8.5\% = 85$
- C $23.4\% = 234$
- D $0.175 = 1.75\%$

11 $184\ 400 \div 40 =$

- A 4 410
- B 4 510
- C 46 100
- D 4 610

12 $RM732\ 444 - RM25\ 210.50 + RM1\ 872 =$

- A RM703 484.25
- B RM709 105.50
- C RM710 526.30
- D RM732 948.50

13 280% ditukarkan kepada nombor bercampur bersamaan dengan

- A $2\frac{1}{8}$
- B $2\frac{5}{8}$
- C $2\frac{4}{5}$
- D $2\frac{1}{4}$

14 Harga sebuah rumah teres ialah RM230 500. Manakala harga sebuah rumah banglo adalah 2 kali ganda daripada harga rumah teres tersebut. Wang pendahuluan untuk membeli rumah banglo tersebut adalah 10% daripada harga asal. Berapakah wang yang perlu dibayar oleh Encik Mahmud sebagai wang pendahuluan?

- A RM4 610
- B RM46 100
- C RM46 000
- D RM45 600

15 $105.25 \div 25 =$

- A 0.421
- B 4.21
- C 42.1
- D 421

16 $540.1 \times 100 =$

- A 5.401
- B 5 401
- C 5 410
- D 54 010

17 $4\frac{1}{5} \text{ m} \div 2 =$

- A 2 m 10 cm
- B 2 m 1 cm
- C 2 m 25 cm
- D 2 m 5 cm

18 65% daripada 650 ialah

- A 352.5
- B 422.5
- C 455
- D 487.5

19 $5\frac{1}{2} \text{ kg} \div 20 =$

- A 0.275 g
- B 275 kg
- C 275 g
- D 2.75 kg

20 $25.4 \times 0.18 \div 2 =$

- A 2.286
- B 22.86
- C 228.6
- D 0.2286

21 Jadual I menunjukkan harga barang-barang elektrik yang dijual di Kedai Elektrik Raju.

Barang	Periuk nasi	Kipas	Seterika
Harga	RM250	RM115.40	RM80.60

Jadual I

Intan membayar RM500 dan dia telah mendapat pulangan baki sebanyak RM134.60. Barangan apakah yang dibeli oleh Intan?

- A Periuk nasi sahaja
- B Seterika dan kipas
- C Periuk nasi dan seterika
- D Periuk nasi dan kipas

22 Umur Azlan ialah 8 tahun dan umur Jason adalah 5 tahun lebih tua daripada Azlan. Apakah nisbah umur Jason kepada umur Azlan selepas 5 tahun?

- A 13 : 18
- B 8 : 13
- C 13 : 8
- D 18 : 13

- 23 Rajah 5 menunjukkan waktu mula dan tamat pertandingan badminton peringkat negeri Selangor.



Rajah 5

Hitung tempoh masa pertandingan badminton itu berlangsung.

- A 1 jam 45 minit
 B 1 jam 55 minit
 C 2 jam 25 minit
 D 2 jam 45 minit
- 24 $1\frac{3}{5}$ abad – 95 tahun =
- A 5 dekad 6 tahun
 B 6 dekad 5 tahun
 C 2 dekad 2 tahun
 D 2 dekad 4 tahun

- 25 Rajah 6 menunjukkan isi padu sekotak susu segar.



Rajah 6

Cari isi padu, dalam $m\ell$, $\frac{3}{5}$ daripada isi padu sekotak susu segar.

- A 250
 B 500
 C 750
 D 1 250
- 26 Sebuah bakul buah mengandungi 45 biji epal. Jika jisim kesemua buah epal itu ialah 3.6 kg, berapakah jisim, dalam g, bagi 12 biji epal?
- A 80 g
 B 960 g
 C 640 g
 D 800 g

- 27 Jadual 2 menunjukkan panjang bagi tiga utas dawai.


Dawai	Panjang
J	600 cm
K	2 m 50 cm
L	0.42 m

Jadual 2

Hitung jumlah panjang, dalam m, ketiga-tiga dawai itu.

- A 3.07
 B 3.7
 C 370
 D 307
- 28 Darren berjoging sejauh 2.4 km dari rumahnya ke stadium. Hitung jarak, dalam km, yang dilalui oleh Darren secara ulang alik di antara rumahnya dengan stadium selama seminggu.
- A 0.336
 B 33.6
 C 3.36
 D 360
- 29 Maliki menyimpan wang sebanyak RM55 000 di Bank Ikhlas dan mendapat faedah sebanyak 5% setahun. Hitung jumlah wang simpanan yang dimiliki oleh Maliki di dalam bank itu selepas setahun.
- A 2 750
 B 5 500
 C 27 500
 D 57 750

- 30 Rajah 7 menunjukkan gabungan dua buah segi empat tepat $RSTU$ dan $UWXY$.




Rajah 7

Luas $RSTU$ ialah 42 cm^2 dan perimeter $UWXY$ ialah 14 cm. Hitung perimeter, dalam cm, keseluruhan rajah itu.

- A 46 cm
 B 32 cm
 C 38 cm
 D 45 cm


- 31 Rajah 8 menunjukkan kuboid R dan kuboid S .



Rajah 8

Isi padu R adalah $\frac{3}{4}$ daripada isi padu S . Berapakah beza isi padu, dalam cm^3 , kedua-dua kuboid tersebut?

- A 27
 B 81
 C 108
 D 126
- 32 Rajah 9 menunjukkan segi empat tepat $PQRS$ dan segi empat sama $JKLM$.




Rajah 9

Diberi luas segi empat tepat $PQRS$ ialah 320 cm^2 dan luas segi empat sama $JKLM$ ialah 100 cm^2 . Hitung beza perimeter kawasan berlorek dengan kawasan yang tidak berlorek.

- A 22
 B 32
 C 92
 D 100

- 33 Rajah 10 menunjukkan satah Cartes bagi kedudukan titik P dan Q .



Rajah 10

Apakah koordinat bagi titik seterusnya yang diperlukan untuk membentuk segi tiga bersudut tegak di atas satah Cartes itu?

- A (0, 7)
 B (5, 5)
 C (3, 7)
 D (7, 3)
- 34 Lee Siew mula membuat kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya pada pukul 4:45 p.m. dan menyiapkan kerja sekolah tersebut pada pukul 6:15 p.m.. Dia melakukan rutin tersebut pada setiap hari kecuali hari Ahad. Hitung tempoh masa yang digunakan oleh Lee Siew untuk menyiapkan kerja sekolahnya dalam masa seminggu.
- A 540 minit
 B 720 minit
 C 670 minit
 D 480 minit
- 35 Rajah 11 menunjukkan harga bagi tiga kotak sabun pencuci yang dijual di Kedai Muthu.




Rajah 11

Puan Mei Mei membeli 5 kotak sabun pencuci. Berapakah jumlah wang yang perlu dibayarnya?

- A RM15.40
 B RM30.80
 C RM61.60
 D RM77.00

- 36 Rajah 12 di bawah menunjukkan kedudukan tiga tempat iaitu P , Q dan R .



Rajah 12

Jika nisbah $PQ : QR = 1 : 3$, berapakah jarak, dalam m, dari Q ke R ?

- A 800
- B 1 600
- C 2 400
- D 3 200

- 37 Jadual 3 menunjukkan suatu set data.

Jenis minuman	Bilangan
Milo	7
Teh	8
Jus oren	5
Kopi	15
Sirap	3

Jadual 3

Nyatakan mod bagi data itu?

- A Kopi
- B Milo
- C Teh
- D Sirap

- Soalan 38 hingga 40 adalah berdasarkan Jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan bilangan murid Tahun 5 Kenyalang mengikut bangsa.

Bangsa	Bilangan murid
Melanau	3
Bidayuh	4
Kadazan	5
Suluk	1
Iban	2

Jadual 4

- 38 Nyatakan julat.

- A 2
- B 3
- C 9
- D 4

- 39 Apakah min bagi set data itu?

- A 20
- B 3
- C 8
- D 15

- 40 Hitung jumlah keseluruhan murid Tahun 5 Kenyalang.

- A 15
- B 20
- C 16
- D 12

Kertas soalan ini mengandungi 15 soalan. Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan kamu dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan. Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu kamu untuk mendapatkan markah.

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan satu keping kad peratus.

93%

Rajah 1

Nyatakan nombor tersebut di dalam perkataan.

[1 markah]

- (b) Cerakinkan 765 854 mengikut nilai tempat.

[1 markah]

Jumlah
1

	2
--	---

- 2 (a) Lengkapkan petang kosong di bawah dengan simbol > atau < .

107 606 170 660

[1 markah]

- (b) Tuliskan $\frac{25}{100}$ ke dalam bentuk peratus.

[1 markah]

Jumlah
2

	2
--	---


3 Tukar 55% kepada pecahan termudah

[2 markah]

Jumlah
3

	2
--	---

4 Rajah 2 menunjukkan tiga keping kad jisim.



Rajah 2

(a) Cari hasil tambah nombor terbesar dengan nombor terkecil, dalam g, daripada kad-kad di atas. [2 markah]

(b) Bundarkan jawapan di (a) kepada puluh ribu yang terdekat.

[1 markah]

(c) Darabkan jawapan di (b) dengan 25.


[2 markah]

Jumlah
4

	5
--	---

5 Rajah 3 menunjukkan harga sebuah kereta.

RM33 390



Rajah 3

- (a) Encik Shahir ingin membeli kereta tersebut secara ansuran bulanan selama 5 tahun. Berapakah jumlah wang ansuran yang harus dibayar Encik Govid setiap bulan? [2 markah]
- (b) Ansuran kereta tersebut dikenakan faedah sebanyak 2% daripada harga kereta setiap tahun. Hitung jumlah faedah yang harus dibayar selama 5 tahun. [2 markah]

Jumlah
5

4


6 Selesaikan:

- (a) 0.75 dalam pecahan, [1 markah]
- (b) $\frac{1}{4}$ dalam perpuluhan, [1 markah]
- (c) $5 - 2\frac{2}{3} =$ [2 markah]

Jumlah
6

4

7 Rajah 4 menunjukkan jisim bagi satu guni rempah.



Rajah 4

- (a) Encik Lee telah membeli satu guni rempah itu dengan harga RM87.50. Cari harga, dalam RM, bagi 0.5 kg rempah tersebut. [2 markah]
- (b) Peruncit akan mendapat untung sebanyak 80 sen bagi setiap 1 kg rempah dengan bermodalkan RM2.30. Rempah yang berjaya dijual untuk seminggu adalah sebanyak 6 kg. Hitung harga jual rempah yang diperoleh untuk 3 minggu. [3 markah]

Jumlah
7

	5
--	---

8 Rajah 5 menunjukkan satu set data.

13, 9, 20, 14, 20, 18

Rajah 5

- (a) Cari median bagi set data tersebut. [2 markah]
- (b) Cari mod. [1 markah]

Jumlah
8

	3
--	---

- 9 Encik Ahmad memandu sejauh 50 km dari rumah ke pejabatnya pada hari bekerja. Pada hujung minggu pula, dia pulang ke kampung yang mempunyai jarak sejauh 230 km.
- (a) Berapakah jarak perjalanan, dalam m, rumah Encik Ahmad ke pejabatnya? [1 markah]
- (b) Hitung jumlah jarak, dalam km, yang dilalui oleh Encik Ahmad selama seminggu. [2 markah]
- (c) Perjalanan dari rumahnya menuju ke kampung memakan masa selama 5 jam 55 minit. Encik Ahmad bercadang untuk tiba di kampungnya pada jam 1750. Pada waktu berapakah Encik Ahmad harus memulakan perjalanannya ke kampung? [2 markah]

Jumlah
9


5

- 10 Umaira bercadang untuk bercuti di Melbourne, Australia. Beza masa waktu di Malaysia dengan Australia ialah waktu di Melbourne lebih awal 3 jam.
- (a) Apakah waktu di Melbourne jika waktu di Malaysia ialah 10:50 p.m. hari Ahad? [2 markah]
- (b) Semasa di lapangan terbang Kuala Lumpur, bagasi yang dibawa oleh Umaira melebihi 5 kg daripada had muatan. Dia dikenakan caj tambahan sebanyak RM250. Hitung berapakah caj yang dikenakan untuk setiap 1 kg? [2 markah]

Jumlah
10

4

- II Rajah 6 menunjukkan gabungan segi empat sama $STUV$, segi empat tepat $PQRS$ dan segi tiga sama sisi RVW . Diberi panjang $PT = PQ$, S adalah titik tengah PT dan V adalah titik tengah SR .



Rajah 6


- (a) Cari jumlah perimeter, dalam cm, kawasan berlorek. [3 markah]

- (b) Jika luas segi tiga RVW adalah $\frac{3}{5}$ luas segi empat sama $STUV$, cari beza luas kawasan tidak berlorek dengan berlorek. [3 markah]

Jumlah
II


	6
--	---

- 12 Rajah 7 ialah carta palang yang menunjukkan wang simpanan bagi 30 orang murid Tahun 5 Bestari dalam masa sebulan.



Rajah 7

Bilangan murid yang mempunyai wang simpanan berjumlah RM40 adalah 4 orang lebih daripada bilangan murid yang mempunyai wang simpanan berjumlah RM50.

- (a) Berapakah bilangan murid yang mempunyai simpanan sebanyak RM40?  [2 markah]
- (b) Hitung min. [2 markah]
- (c) Cari mod. [2 markah]

Jumlah
12

	6
--	---

- 13 Jadual 1 menunjukkan harga kos dan harga jual bagi 2 buah kereta.

Harga kos	Harga jual
RM185 450	RM250 450




Jadual 1

Berapakah keuntungan yang diperolehi jika 3 buah kereta berjaya dijual? [3 markah]

Jumlah
13

	3
--	---

14 Rajah 8 ialah piktograf yang menunjukkan jualan jem dalam masa empat hari. Jualan pada hari Sabtu tidak ditunjukkan.

Hari	Jualan
Sabtu	
Ahad	
Isnin	
Selasa	



Mewakili 5 botol jem

Rajah 8

- (a) Jualan jem pada hari Sabtu adalah 55% daripada jumlah jualan pada hari Ahad, Isnin dan Selasa. Hitung bilangan botol jem yang berjaya dijual pada hari Sabtu? [2 markah]
- (b) Harga kos sebotol jem ialah RM6.50 dan dijual dengan harga RM9 sebotol. Hitung jumlah keuntungan yang diperolehi untuk empat hari tersebut. [2 markah]
- (c) Cari mod. [2 markah]

Jumlah
14

	6
--	---

- 15 Puan Laila menyimpan wang sebanyak RM150 450 di Bank Etika. Faedah yang diberikan secara tahunan adalah sebanyak 2%. Beliau telah menyimpan selama setahun. Selepas mendapat pulangan faedah, Puan Laila telah mengeluarkan sebanyak 20% daripada simpanannya. Hitung baki wang yang dimiliki oleh Puan Laila. [3 markah]

Jumlah
15

	3
--	---

KERTAS SOALAN TAMAT